

Apa yang perlu ialah anak dan ibu yang sihat

Merancang bukan bermakna kurang anak — Dr. Mahathir

DR. Mahathir Mohamad berkata perancangan keluarga tidak semestinya bermakna mengurangkan bilangan anak, tetapi merancang supaya ibu dan anak serta keluarga menjadi lebih sihat dan bahagia.

"Kita dapati di Malaysia keluarga yang miskin melahirkan lebih ramai anak dengan lebih kerap dari yang kaya, sedangkan yang kaya lebih mudah memelihara anak dengan sempurna," kata Timbalan Perdana Menteri.

Berucap melancarkan ulangtahun ke 10 Lembaga Perancang Keluarga Negara melalui RTM malam ini, Dr. Mahathir menasihati wanita yang baru berkahwin supaya jangan menggunakan pil perancangan sebelum mendapat seorangpun anak.

"Perbuatan seperti ini yang kedatangan ramai wanita yang baru kahwin menggunakannya tidak patut dilakukan. Jika wanita itu seorang yang cuma boleh mendapat seorang anak, penggunaan pil ini mungkin menjadikan ia mandul.

"Mereka yang belum kahwin tidak patut memakan pil ini sama sekali. Oleh

KUALA LUMPUR
9 JUN

tu pertubuhan yang terlibat dengan perancangan keluarga dan doktor-doktor perlu mengawasi kepada siapa pil-pil itu diberikan," katanya.

Beliau berkata, pengedaran pil-pil secara tidak terhad akan memberi nama buruk kepada perancangan keluarga dan pertumbuhan-pertumbuhan yang terlibat dengannya.

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa perancangan keluarga yang dijalankan di negara ini telah menimbulkan banyak tandanya dari rakyat. Ini disebabkan ia berasal dari barat di mana keselamatan ekonomi diberi keutamaan dari kekeluargaan.

Mereka berpendapat kehidupan akan lebih mewah jika tidak ramai penduduk bergantung kepada jembahagian sumber yang ada.

Katanya, bagi Malaysia walaupun masalah ekonomi ini bukanlah sebab

utama kerajaan menggalakkan perancangan keluarga. Sebenarnya ia ada kaitan rapat dengan kesihatan dan kebahagiaan masyarakat.

Menurutnya, disebabkan ibu-ibu yang miskin kerap kali kurang sihat, kelahiran yang kerap memburukkan lagi kesihatan ibu. Di samping itu anak yang dilahirkan juga tidak sihat, hingga terjadi sepuluh anak dilahirkan, cuma lima yang hidup sehingga dewasa.

Bahagia

"Jika akhirnya cuma lima sahaja yang hidup, adalah lebih baik ibu itu melahirkan lima orang anak dengan jarak yang jauh yang mana ini akan menjadikan ibu dan anak lebih sihat dan beban kepada keluarga dapat dikurangkan," katanya.

Kata Dr. Mahathir, yang jelas perancangan keluarga tidak semestinya bermakna mengurangkan bilangan anak, tetapi merancang supaya ibu dan anak serta keluarga menjadi lebih sihat dan bahagia.

"Bagi yang mampu tidak ada sebab yang mereka tidak patut mempunyai lebih ramai anak. Terapi kalau kerana tidak merancang ibu akan mati dan anak yang ditinggal tidak sihat, tentulah masyarakat menjadi lebih buruk."

Beliau memberitahu bahawa pada masa sekarang kadar pertumbuhan penduduk di negara ini adalah 3 peratus setahun. Usaha-usaha dari segi pembangunan telah diambil perhatian mengenai perkara ini.

Katanya, jika pertumbuhan itu bertambah dengan mengejut dari tahun ke tahun, usaha pembangunan yang sedang dilakukan ketika ini akan terjejas.